

03/05/1999

PM ada bukti kroni Anwar miliki harta

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau mempunyai bukti berhubung pemilikan harta dan perolehan kontrak besar oleh kroni Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, beliau mengetahui perkara itu berdasarkan borang pengisytiharan harta dan senarai kontraktor yang diberi projek besar.

"Saya memang tahu kedudukan mereka. Sebagai contoh bekas setiausaha politik dan setiausaha-setiausaha Anwar. Kita dapat tahu daripada borang pengisytiharan harta," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini pada akhir lawatan tiga harinya ke Kedah, hari ini.

Semalam, ketika merasmikan persidangan Perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, Dr Mahathir juga mendedahkan bahawa kroni seorang bekas pemimpin negara mempunyai wang sebanyak RM230 juta.

Apabila diminta mendedahkan identiti orang berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh menamakan dia. Dia setakat pengarah (syarikat) ... tak tahu apa pun pasal perniagaan."

Bagaimanapun, katanya, kroni Anwar yang memiliki wang sehingga RM230 juta itu, adalah bekas pemimpin Umno yang terbabit dalam percubaan menggulingkannya sebagai Perdana Menteri ketika Perhimpunan Agung Umno tahun lalu.

"Bekas pemimpin yang sangat rapat dengan Anwar dan digunakan oleh Anwar untuk menjadikan diri saya tidak popular. Saya kroni ... nepotisme. Sebenarnya yang ada kroni dan jelas adalah Anwar," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Anwar hanya menunjukkan reaksi seolah-olah terkejut apabila beliau bertanya bagaimana pemimpin terbabit memiliki wang sehingga RM230 juta, sedangkan sebelumnya tidak mempunyai wang sebanyak itu.

Mengenai kemungkinan Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan diminta menyiasat kroni terbabit, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang memerhatikan berdasarkan bukti yang ada.

Menurut Dr Mahathir, Anwar juga memberi kekayaan kepada kroni lain, termasuk setiausaha politik, penulis buku dan penulis ucapannya.

Katanya, beliau mengetahui kebanyakan kroni politik Anwar memiliki banyak wang berdasarkan pengisytiharan harta merangkumi wang simpanan dalam bank dan saham yang dibuat mereka.

Perdana Menteri juga menjelaskan berdasarkan semakan yang dibuat dalam senarai pengarah syarikat, hanya golongan tertentu mendapat kontrak besar, manakala beratus-ratus pemohon lain tidak memperolehnya.

Dr Mahathir juga tidak menafikan kroni Anwar mungkin mempunyai harta atau simpanan di luar negara, tetapi ia tidak dapat dikesan.

Selain itu, katanya, Anwar memaksa The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) membayar gaji penulis ucapannya, Dr Munawar Anees, seorang warga Pakistan yang memiliki kerakyatan Malaysia, walaupun NSTP enggan berbuat demikian.

"Kita tahu Anwar ada penulis ucapan yang dibayar gaji oleh syarikat. Satu syarikat beritahu saya, terpaksa ambil orang ini sebagai salah seorang daripada pengarah kerana diarah oleh Anwar.

"Syarikat ini bukan hendak dia sangat. Anees pun dibayar gaji oleh NSTP, tetapi NSTP bukan hendak dia sangat. Kerja dia tulis ucapan dan buku Anwar," katanya.

(END)

